

**SURAH BUKIT TUR**

Surah: 52 Juzuk: 27 Bil. Ayat: 49

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah,  
lagi Maha Mengasihani.

1. Demi Gunung Tursina (Bukit Sinai).
2. Dan demi Kitab yang ditulis.
3. Pada lembaran surat yang terbuka.
4. Dan demi «Baitul Makmur». <sup>(1)</sup>
5. Dan demi bumbung (langit) yang ditinggikan.
6. Dan demi lautan yang panas meluap-luap.
7. Sesungguhnya azab Tuhanmu pasti berlaku.
8. Tiada sesiapapun yang dapat menolaknya.
9. Pada hari langit bergoncang dengan sekeras-kerasnya.
10. Dan gunung-ganang bergerak dari tempatnya dengan luar biasa.
11. Maka celakalah pada hari itu bagi orang yang mendustakan (kebenaran).

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

وَأَطْهُرْ

وَكَتِبْ مَسْطُورِ

فِي رَقِ مَشْنُورِ

وَأَبْيَتْ الْمَعْمُورِ

وَأَسَقَفْ الْمَرْفُوعِ

وَالْبَخْرِ الْمَسْجُورِ

إِنَّ عَذَابَ رَبِّكَ لَوْقُوعٌ

مَالَهُ وَمَنْ دَافَعْ

يَوْمَ تَمُورُ السَّمَاءَ مَوْرًا

وَتَسِيرُ الْجَبَالُ سَيْرًا

فَوَيْلٌ يَوْمٌ ذِلِّ الْمُكَذِّبِينَ

1 Baitul Makmur ialah Kaabah, kerana Kaabah selalu mendapat kunjungan untuk mengerjakan haji, umrah, tawaf dan lain-lain. Dalam suatu hadith disebutkan bahawa Baitul Makmur ialah sebuah rumah ibadah di langit ketujuh yang setiap hari dimasuki 70,000 malaikat.

- 12.** (Iaitu) orang yang bermain-main dalam kesesatan.
- 13.** Pada hari mereka ditolak ke neraka Jahannam dengan tolakan yang sangat kasar.
- 14.** (Dan dikatakan kepada mereka): Inilah api neraka yang dahulu kamu dustakannya.
- 15.** «Maka adakah ini sihir atau kamu tidak melihat (kebenaran rasul Kami)?
- 16.** «Rasakanlah bakarannya, sama ada kamu bersabar atau tidak bersabar, sama sahaja kepada kamu. Sesungguhnya kamu akan dibalas dengan apa yang kamu telah lakukan».
- 17.** Sesungguhnya orang yang bertakwa, ditempatkan dalam syurga-syurga dan nikmat kesenangan.
- 18.** Mereka bersenang-lenang dengan apa yang dikurniakan oleh Tuhan mereka, dan mereka dipelihara oleh Tuhan mereka daripada azab neraka.
- 19.** (Dan dikatakan kepada mereka): «Makan dan minumlah dengan nikmat, sebagai ganjaran daripada apa yang telah kamu lakukan».
- 20.** Mereka bersandar di atas pelamin-pelamin yang tersusun dan Kami jodohkan mereka dengan bidadari-bidadari yang bermata indah.

الَّذِينَ هُمْ فِي حَوْضٍ يَلْعَبُونَ ﴿١٣﴾

يَوْمَ يُدْعُونَ إِلَى نَارٍ جَهَنَّمَ دَعَّا

هَذِهِ الْأَنَارُ الَّتِي كُنْتُمْ بِهَا تَكْفِرُونَ

أَفَسِحْرُهُذَا مَأْتُمْ لَأَتُبَصِّرُونَ

أَصْلَوْهَا فَاصْبِرُوا أَوْ لَا صَبْرُوا سَوَاءٌ  
عَلَيْكُمْ إِنَّمَا تُخْرَجُونَ مَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ

إِنَّ الْمُتَّقِينَ فِي جَنَّتٍ وَنَعِيمٍ

فَلَكُمْ هُنَّ بِمَا أَتَيْتُمْ رَزْقُهُمْ وَوَقَدْ هُنَّ بِرَزْقِهِمْ  
عَذَابَ الْجَحِيْمِ

كُلُّهُمْ أَشْرَبُوا هَنِيْعًا بِمَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ

مُتَّكِّفِينَ عَلَى سُرُورَ مَصْفُوفَةٍ وَرَأْجَانَهُمْ  
بِحُورِ عَيْنٍ

- 21.** Dan orang yang beriman berserta zuriat keturunannya yang mengikuti mereka dalam keimanan, Kami pertemukan mereka dengan keturunannya itu (di dalam syurga). Kami tidak mengurangkan pahala amalan mereka sedikit pun. Setiap orang terikat dengan apa yang dilakukannya.
- 22.** Dan Kami bekalkan mereka dengan buah-buahan dan daging daripada pelbagai jenis yang mereka ingini.
- 23.** Di dalamnya mereka berebut-rebut mengambil gelas yang berisi arak yang tidak menimbulkan perkara yang sia-sia dan tidak mengakibatkan dosa.
- 24.** Dan mereka dikelilingi oleh anak-anak muda lelaki yang sentiasa melayan mereka, seolah-olah mereka mutiara yang tersimpan.
- 25.** Dan mereka berhadapan di antara satu sama lain sambil saling bertegur sapa.
- 26.** Mereka berkata: «Sesungguhnya kami dahulu, ketika berada dalam keluarga kami selalu merasa takut (akan azab Allah).
- 27.** «Maka Allah mengurniakan kami (rahmatNya), serta memelihara kami daripada azab neraka.

وَالَّذِينَ إِمَّا مُؤْمِنُوْا وَإِنَّهُمْ دُّرْيَتُهُمْ بِإِيمَانٍ  
أَلْحَقْنَا بِهِمْ دُّرْيَتُهُمْ وَمَا أَنَّهُمْ مِّنْ عَمَّا يَعْمَلُونَ  
مِّنْ شَيْءٍ كُلُّ أُمْرٍ بِمَا كَسَبَ رَهِينٌ<sup>(١)</sup>

وَأَفَدَّنَاهُمْ بِفَلَكَهُ وَأَنْجَرَهُ مَا يَسْتَهِنُونَ<sup>(٢)</sup>

يَتَنَزَّلُونَ فِيهَا كَاسِلًا لَّعْنَهُ فِيهَا وَلَا تَأْتِيهِمْ<sup>(٣)</sup>

\* وَيَطْوُفُ عَلَيْهِمْ غَلْمَانٌ لَّهُمْ كَآنَهُمْ لُؤْلُؤٌ  
مَّكَّنُونٌ<sup>(٤)</sup>

وَأَقْبَلَ بَعْضُهُمْ عَلَى بَعْضٍ يَتَسَاءَلُونَ<sup>(٥)</sup>

قَالُوا إِنَّا كُنَّا نَاقْبِلُ فِي أَهْلِنَا امْشَقِقِينَ<sup>(٦)</sup>

فَمَنَّ اللَّهُ عَلَيْنَا وَوَقَنَا عَذَابَ السَّمُومِ<sup>(٧)</sup>

**28.** «Sesungguhnya kami dahulu menyembahNya. Sesungguhnya Dialah Yang Maha Melimpahkan kebaikan lagi Maha Mengasihani».

إِنَّا كُنَّا مِنْ قَبْلِ نَدْعُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْبَرُّ الرَّحِيمُ ﴿٢٨﴾

**29.** Maka engkau (wahai Muhammad) berikanlah peringatan, kerana dengan nikmat Tuhanmu engkau bukanlah seorang bomoh dan bukan pula orang gila.

فَذَرْهُ فَمَا أَنْتَ بِنَعْمَتِ رَبِّكَ يُكَاهِنُ وَلَا مَجْنُونٌ ﴿٢٩﴾

**30.** (Bahkan mereka mengatakan: «(Muhammad) itu seorang penyair yang kami tunggu-tunggu saat kebinasaannya»).

أَمْ يَقُولُونَ شَاعِرٌ نَّصِّصُ بِهِ رَبِّ الْمُؤْمِنِينَ ﴿٣٠﴾

**31.** Katakanlah (wahai Muhammad): «Tunggulah! Sesungguhnya aku juga termasuk orang yang menunggu bersama kamu».

فُلْ تَرَضُوا فِي مَعَكُمْ مِّنَ الْمُتَّصِّلِينَ ﴿٣١﴾

**32.** Adakah mereka diperintah oleh fikiran mereka (untuk melemparkan tuduhan itu) atau mereka kaum yang melampaui batas?

أَمْ تَأْمُرُهُمْ أَخْلَمُهُمْ بِهَذَا أَفَهُمْ قَوْمٌ طَاغُونَ ﴿٣٢﴾

**33.** Atau mereka berkata: Dia (Muhammad) mengadakan, adakannya, bahkan mereka sengaja tidak mahu beriman.

أَمْ يَقُولُونَ تَقَوَّلَهُ بَلْ لَا يُؤْمِنُونَ ﴿٣٣﴾

**34.** Maka hendaklah mereka datangkan kata-kata seperti al-Quran itu jika mereka orang yang benar.

فَإِنَّا نُوحِدُ بِشِئْ مُشَبِّهٍ إِنْ كَانُوا صَادِقِينَ ﴿٣٤﴾

**35.** Atau apakah mereka telah diciptakan tanpa penciptanya, atau adakah mereka yang mencipta diri mereka sendiri?

أَمْ خَلَقُوا مِنْ عَيْرِ شَيْءٍ أَمْ هُمُ الْخَلَقُونَ ﴿٣٥﴾

- 36.** Atau adakah mereka yang menciptakan langit dan bumi itu? Bahkan mereka adalah orang yang tidak yakin.
- 37.** Atau adakah di sisi mereka perbendaharaan Tuhanmu ataukah mereka yang berkuasa mentadbir segala-galanya?
- 38.** Atau adakah mereka mempunyai tangga (untuk naik ke langit), untuk mendengar (perkara yang ghaib)? Maka hendaklah orang yang mendengar itu membawa suatu bukti yang nyata (kebenarannya).
- 39.** Apakah patut untukNya anak-anak perempuan, dan untuk kamu anak-anak lelaki?
- 40.** Atau pernahkah engkau (wahai Muhammad) meminta sebarang bayaran kepada mereka (mengenai ajaran Islam yang engkau sampaikan), lalu mereka merasa berat menanggung bayaran itu (sehingga menjauhkan diri daripada menyahut seruanmu)?
- 41.** Atau adakah di sisi mereka perkara yang ghaib, lalu mereka menuliskannya (untuk menentang ajaran dan peringatanmu)?
- 42.** Atau adakah mereka hendak melakukan tipu daya? Tetapi orang yang kafir itulah orang yang tertipu.

أَمْ حَلَّقُوا السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ بَلْ لَا يُوقِنُونَ ﴿٦﴾

أَمْ عَنْهُمْ حَزَّلَ إِنْ رَبَّكَ أَمْ هُمْ أَمْصَيْطُرُونَ ﴿٧﴾

أَمْ أَهْمَسُوكُمْ يَسْتَمِعُونَ فِيهِ فَيَسْأَلُونَ  
مُسْتَمِعُهُمْ سُلَطَانٌ مُّبِينٌ ﴿٨﴾

أَمْ لَهُ الْبَنْتُ وَلَكُمُ الْبَنْوَنَ ﴿٩﴾

أَمْ لَسْكُلَّهُمْ أَجَرًا فَهُمْ مِنْ مَغْرَمِ مُشَقَّلُونَ ﴿١٠﴾

أَمْ عَنْهُمْ لَعْبٌ فَهُمْ كَذَّابُونَ ﴿١١﴾

أَمْ بِرِيدُونَ كَيْدُ الَّذِينَ كَفَرُوا هُمُ الْمَكِيدُونَ ﴿١٢﴾

- 43.** Atau adakah bagi mereka Tuhan selain daripada Allah? Maha Suci Allah daripada apa yang mereka sekutukan itu.
- 44.** Dan sekiranya mereka melihat gumpalan-gumpalan yang jatuh dari langit (untuk menimpa mereka), mereka akan berkata: «(Itu adalah) awan yang berlapis-lapis».
- 45.** Maka biarkanlah mereka sehingga mereka menemui hari yang padanya mereka akan dibinasakan.
- 46.** (Iaitu) pada hari tidak mendatangkan sebarang manfaat daripada tipu daya mereka, dan mereka pula tidak diberikan pertolongan.
- 47.** Dan sesungguhnya bagi orang yang zalim masih ada azab selain itu, tetapi kebanyakan mereka tidak mengetahui.<sup>(1)</sup>
- 48.** Dan bersabarlah (wahai Muhammad) menunggu ketetapan Tuhanmu, kerana sesungguhnya engkau berada dalam pengawasan Kami dan bertasbihlah dengan memuji Tuhanmu ketika engkau bangun.<sup>(2)</sup>
- 49.** Dan pada sebahagian malam, bertasbihlah kepadaNya dan ketika terbenamnya bintang-bintang (pada waktu subuh).

أَفَلَا يَرَوْنَ أَنَّا عَزِيزٌ لِّلَّهِ عَزِيزٌ لِّلَّهِ سُبْحَانَ اللَّهِ عَمَّا يُشَرِّكُونَ ﴿٤٣﴾

وَإِنْ يَرَوْا كُلَّ فَاعِنَّ مُسَمَّعًا سَاقِطًا يَقُولُوا سَاحَابٌ

مَرْكُومٌ ﴿٤٤﴾

فَذَرْهُمْ حَتَّىٰ يَلْقَوْا يَوْمًا مُّهُمُ الَّذِي فِيهِ يُضْعَفُونَ ﴿٤٥﴾

يَوْمَ لَا يُغْنِي عَنْهُمْ كِيدُوهُ شَيْئًا وَلَا هُمْ يُصْرُونَ ﴿٤٦﴾

وَإِنَّ الظَّالِمِينَ لَظَالِمُوا إِذَا دُونُ ذَلِكَ وَلَكِنَّ

أَكْثَرَهُمْ لَا يَعْمَلُونَ ﴿٤٧﴾

وَاصْبِرْ لِحُكْمِ رَبِّكَ فَإِنَّكَ بِأَعْيُنِنَا وَسَيِّدُنَا مُحَمَّدٌ

رَبِّكَ حَيْنَ تَقُومُ ﴿٤٨﴾

وَمِنَ الْأَيْلَلِ فَسَيَّحَهُ وَإِذْنَ الرَّحْمَنِ

1 Azab selain itu ialah adanya musim kemarau, kelaparan, malapetaka yang menimpa mereka, azab kubur dan lain-lain.

2 Hendaklah bertasbih ketika kamu bangun daripada tidur atau bangun meninggalkan majlis atau ketika berdiri hendak solat.